

**NO. SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh  
[PUTATAN]**

**TARIKH :** **4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada pihak Kerajaan telah menetapkan kod etika pakaian bagi orang awam yang ingin berurusan dengan jabatan dan agensi Kerajaan; dan
- (b) sekiranya gagal mematuhi, apakah jenis tindakan yang diambil dan apakah reaksi/penerimaan rakyat ke atas perkara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini tiada kod etika pakaian yang khusus untuk orang awam yang berurusan dengan pejabat Kerajaan. Hanya penjawat awam tertakluk kepada etika berpakaian yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, orang awam boleh memakai pakaian yang bersesuaian selari dengan adat dan nilai ketimuran ketika berurusan di pejabat Kerajaan. Walaubagaimanapun, Kerajaan tetap memberi layanan kepada orang awam yang memakai pakaian yang kurang sesuai.

Ketua Jabatan yang berkenaan boleh menasihati orang awam supaya sentiasa memakai pakaian yang sopan semasa berurusan dengan Jabatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 22 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian strategi baharu bagi memastikan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah sendiri memandangkan kajian Institut Penyelidikan Khazanah mendapati harga rumah secara purata adalah 4.4 kali ganda pendapatan tahunan isi rumah sedangkan nisbah yang sepatutnya hanyalah 3.3 kali.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini usaha dan strategi Kerajaan sememangnya berfokus kepada agenda pemilikan rumah kepada rakyat. Lantaran itu, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program perumahan bagi memastikan rakyat dapat memiliki rumah, antaranya ialah melalui pelaksanaan **Program Perumahan Rakyat (PPR)** oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar dan pinggir bandar, **Program Bantuan Rumah (PBR)** kepada golongan miskin luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), **Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)** yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), **Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** bagi menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan sebanyak 100%. Kerajaan juga telah memperkenalkan **Skim**

**Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)** yang menawarkan subsidi sehingga 30% daripada harga sebenar rumah kepada rakyat berpendapatan sederhana dan rendah, **Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** yang membantu pemilikan rumah pada harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran khusus kepada golongan penjawat awam dan **Program Pembiayaan Deposit Pertama** seperti mana yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2016 oleh Y.A.B Perdana Menteri baru-baru ini.

Bagi memastikan kesemua perancangan untuk membantu pemilikan rumah kepada rakyat dicapai, Kementerian ini telah menujuhkan **Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN)** yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan juga telah menujuhkan **Majlis Perumahan Negara (MPN)** yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang berperanan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme harga harta tanah serta memastikan penyediaan rumah secara lebih efektif dan efisien.

Selain itu juga, Kerajaan-kerajaan Negeri berperanan penting dalam memastikan pelaksanaan dasar Kerajaan Persekutuan untuk memastikan akses pemilikan rumah kepada rakyat dapat direalisasikan. Hal ini dilaksanakan dengan memastikan syarat pembinaan kos rendah dan rumah mampu milik dikenakan kepada pemaju perumahan semasa mereka mengemukakan permohonan kelulusan pembangunan tanah dan kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan harga sebenar rumah dalam pasaran memandangkan Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi bebas dan ianya turut melibatkan sektor harta tanah dalam negara. Namun demikian, pelbagai bentuk inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan kestabilan harga rumah dan akses pemilikan rumah. Berdasarkan **Laporan Pasaran Harta 2014**, peningkatan harga rumah dilaporkan terkawal dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan berbanding beberapa tahun sebelumnya. Ia adalah hasil usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung spekulasi harga rumah dalam negara dan seterusnya dapat memastikan peluang pemilikan rumah kepada rakyat dicapai.